

## Kerajaan ambil langkah sekat eksport topeng muka jika perlu

2020-03-14T18:19:35+08:00  
oleh Agnes Tugong



Nanta bersama Dr Sim dan Wee pada sidang media ketika tinjauan mesra di Kuching, hari ini.

**KUCHING:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sedang meneliti keperluan untuk menyekat eksport topeng muka ke luar negara.

Menterinya, Datuk Alexander Nanta Linggi berkata ia adalah susulan permintaan dan keperluan tinggi topeng muka untuk pengguna domestik.

"Kita sedang meneliti untuk menyekat eksport topeng muka dan ia akan dibuat jika berlaku kekurangan secara serius dalam negara," katanya pada sidang media selepas tinjauan mesra di The Spring di sini, hari ini.



Pada sidang media tersebut, Nanta turut meminta orang ramai supaya tidak membuat pembelian panik kerana situasi dalam negara masih belum ke tahap itu.

"Semalam viral di media sosial pembelian panik di pasar raya. Sebenarnya itu bukan pembelian panik tetapi jualan promosi.

"Jadi kita berharap pembelian panik ini tidak akan berlaku di mana-mana," katanya.

Kerajaan menurut Nanta mengambil langkah proaktif bagi memastikan bekalan makanan termasuk topeng muka dan hanitzer mencukupi.

Pegawai penguatkuasaan kementeriannya juga akan membuat pemantauan bagi memastikan topeng muka tidak dijual melebihi harga kawalan.

Beliau turut menasihatkan pengguna supaya membeli topeng muka secara berhemah mengikut keperluan bagi memastikan bekalan mencukupi.

Manakala di pihak peniaga pula, Nanta mengingatkan mereka supaya tidak menjual pada jumlah yang besar kepada seorang pembeli sahaja.

Hadir sama Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, Dato Sri Dr Sim Kui Hian dan Datuk Bandar Kuching Selatan, Datuk Wee Hong Seng.

